

## Pelupusan al-Quran: Kajian Terhadap Tahap Kesedaran Masyarakat Islam di Malaysia

Liziana Kamarul Zaman<sup>1, a</sup>, Mariam Setapa<sup>2, b</sup>, Wan Asma Hanim Wan Mustapha<sup>3, c</sup>, Siti Farah Haryatie Mohd Kanafiah<sup>4, d</sup>, Nor Raihana Asmar Mohd Noor<sup>5, e</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Undang-undang, Universiti Teknologi MARA Kelantan,  
Bukit Ilmu, Machang, Kelantan, Malaysia

<sup>2,3</sup>Fakulti Pengurusan & Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Kelantan,  
Bukit Ilmu, Machang, Kelantan, Malaysia

<sup>4</sup>Fakulti Sains Komputer & Matematik, Universiti Teknologi MARA Kelantan,  
Bukit Ilmu, Machang, Kelantan, Malaysia

<sup>5</sup>Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA Kelantan,  
Bukit Ilmu, Machang, Kelantan, Malaysia

<sup>a</sup>lizia735@kelantan.uitm.edu.my, <sup>b</sup>maria135@kelantan.uitm.edu.my,

<sup>c</sup>wanas096@kelantan.uitm.edu.my, <sup>d</sup>sitif315@kelantan.uitm.edu.my,  
<sup>e</sup>raihana6791@kelantan.uitm.edu.my

**Kata kunci:** Pelupusan al-Quran, kesedaran, amalan, sikap

**Abstrak:** al-Quran merupakan kitab Allah yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Ia merupakan kitab terakhir yang menjadi panduan serta rujukan kepada seluruh umat manusia. Justeru itu ia adalah menjadi kewajipan kepada seluruh umat Islam untuk memelihara kemuliaan dan kesucian al-Quran. Kewajipan ini termasuklah memastikan al-Quran dan bahan-bahan yang mengandungi ayat-ayat al-Quran dilupuskan dengan kaedah yang betul. Walau bagaimanapun masih ada masyarakat Islam yang tidak menyedari akan hal ini. Sehubungan dengan itu, kajian ini dibuat bagi mengkaji garis panduan dan kaedah pelupusan al-Quran yang diguna pakai di Malaysia. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesedaran, sikap dan amalan masyarakat Islam dalam menguruskan pelupusan al-Quran dan bahan-bahan yang mengandungi ayat al-Quran. Data kajian diperolehi secara kuantitatif melalui soal selidik. Hasil kajian mendapati tahap pengetahuan dan sikap masyarakat Islam terhadap kaedah pelupusan al-Quran memuaskan. Walau bagaimanapun daripada aspek pengamalan kaedah pelupusan al-Quran mengikut syarak di kalangan masyarakat Islam masih ditahap rendah.

### Pengenalan

Al-Quran merupakan wahyu Allah SWT dan kalam paling suci sebagai petunjuk dan panduan kepada manusia. Oleh itu, ayat-ayat suci al-Quran hendaklah dipelihara dan dijaga dengan baik dari segi pembuatan, pengendalian, penjualan dan termasuklah pelupusannya bagi memastikan setiap aspek pengendalian tidak mencemarkan kemuliaan ayat-ayat suci al-Quran.

Tidak dinafikan bahawa kesedaran masyarakat Islam terhadap penjagaan mushaf al-Quran memang amat tinggi. Bagaimanapun kesedaran masyarakat Islam terhadap penjagaan ayat-ayat suci al-Quran yang terdapat dalam kitab-kitab, buku-buku teks atau buku-buku bacaan lain seperti majalah, surat khabar, juga kad-kad seperti kad jemputan kahwin dan kad hari raya serta bahan perhiasan dinding mengandungi Ayat-ayat Suci al-Quran yang dibingkaikan atau hiasan potongan ayat-ayat Suci al-Quran pada alat-alat perhiasan dan sebagainya masih ditahap yang mendukacitakan [1]. Apatah lagi apabila bahan-bahan penerbitan dan perhiasan tersebut rosak dan tidak dapat digunakan lagi, aspek pelupusan bahan-bahan ini dipandang remeh oleh kebanyakan masyarakat.

Malah terdapat sebilangan orang Islam yang tidak mengetahui bahawa mushaf al-Quran dan bahan-bahan penerbitan dan dokumen yang mengandungi ayat al-Quran yang rosak perlu dilupuskan mengikut kaedah yang ditetapkan syarak. Kerana itulah, ada yang mengambil jalan mudah dengan menghantarnya ke tempat pelupusan sampah dan pusat kitar semula [2]. Ada juga segelintir masyarakat Islam yang sedar kewujudan kaedah pelupusan al-Quran yang perlu dipatuhi, walau bagaimanapun mereka tidak melaksanakan kaedah tersebut dengan sempurna. Sebagai contohnya, al-Quran yang rosak dibakar secara terbuka dan sisa/debu al-Quran tersebut hanya dibiarkan begitu sahaja tanpa ditanam di tempat bersih atau dibuang ke dalam laut atau sungai yang mengalir.[3]

Isu pelupusan al-Quran ini menjadi lebih kritikal apabila melibatkan kerosakan mushaf al-Quran dan bahan-bahan penerbitan dan dokumen yang mengandungi ayat al-Quran dalam skala yang besar. Sebagai contohnya kerosakan akibat banjir, tanah runtuh, kebakaran dan juga dirosakkan oleh anai-anai. Sekiranya pihak yang terlibat tidak mempunyai kesedaran untuk menangani masalah ini maka sudah pasti al-Quran yang rosak itu tidak akan dilupuskan mengikut kaedah yang sepatutnya. Ini terbukti berdasarkan kepada hasil kajian yang dijalankan di pusat pemindahan mangsa banjir di Temerloh, Pahang. Kajian ini menunjukkan bahawa isu pelupusan al-Quran adalah antara isu-isu yang tidak popular di kalangan mangsa banjir [4]. Perkara ini seharusnya diambil serius kerana ia menunjukkan kesedaran masyarakat Islam terhadap pelupusan al-Quran masih di tahap membimbangkan.

Orang Islam seharusnya mempunyai kesedaran yang tinggi dalam penjagaan dan pelupusan al- Quran untuk kemaslahatan orang ramai khususnya dan menjaga alam sekitar secara amnya. Tugas pemeliharaan dan pemuliharaan alam merupakan tanggungjawab setiap manusia tanpa mengira batasan agama [5].

Objektif kajian ini adalah untuk mendidik masyarakat mengenai cara-cara melupuskan al-Quran dengan betul dan mengikut syarak. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti sejauh mana masyarakat mempunyai pengetahuan terhadap cara pelupusan al-Quran mengikut syarak serta amalan dan sikap yang biasa dilakukan oleh masyarakat apabila melupuskan al-Quran.

**Definisi Pelupusan al-Quran**

Menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat lupus bermaksud hapus, luput atau hilang. Manakala pelupusan pula bermaksud perihai (perbuatan dsb) melupuskan. Oleh itu, secara umumnya pelupusan al-Quran adalah merujuk kepada perbuatan yang mentiadakan atau memusnahkan bahan-bahan yang mengandungi ayat suci al-Quran.

Definisi ayat al-Quran di sini meliputi mana-mana bahagian ayat al-Quran dalam Bahasa Arab. Manakala bahan al-Quran pula bermaksud sesuatu dokumen yang mengandungi mana-mana bahagian ayat al-Quran, selain daripada ‘teks al-Quran’. Skop maksud dokumen yang terkandung di definisi di atas adalah sangat luas kerana ia termasuklah ayat-ayat al-Quran yang terkandung di dalam cereka, pita, filem, runut bunyi atau apa jua peranti lain [6].

**Kaedah Pelupusan al-Quran Dari Pandangan Ulama’**

Menurut Mufti Wilayah Persekutuan Sahibus Samahah Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri [7] ulama’ terdahulu telah khilaf bagaimana cara untuk melupuskan al-Quran kepada dua pandangan. Pandangan pertama dipelopori oleh Mazhab Hanafi dan Hanbali. Kedua-dua Mazhab ini berpandangan bahawa kaedah pelupusan al-Quran adalah dengan cara menanam al-quran di dalam tanah. Pandangan ini disokong oleh beberapa Ulama’ yang lain antaranya ialah al-Haskafi, Sahib al-Hasyiah dan Al-Buhuti. Syeikh Muhammad bin Ibrahim Al al-Syeikh (mantan Mufti Besar Arab Saudi) berpendapat, cara yang paling sahih ketika luput sebahagian kertas mushaf ialah dengan menanamnya di masjid. Jika tidak boleh maka ditanamnya di tempat yang bersih lagi suci dan harus juga membakarnya.

Manakala Mazhab Maliki dan Syafi’i pula berpendapat hendaklah dibakar. Hujah bagi pendapat yang kedua ini adalah berdasarkan tindakan Saidina Uthman yang memerintahkan untuk membakar mushaf yang lain yang berbeza dengan mushaf yang ditulis, dan perbuatan tersebut telah disaksikan oleh ramai sahabat.

**Undang-undang Berkaitan Pelupusan al-Quran Di Malaysia**

Isu berkaitan pelupusan al-Quran ini telah pun dibincangkan di dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-30 yang bersidang pada 22 Aug 1992. Muzakarah telah memutuskan bahawa Al Quran yang rosak, koyak, yang tidak lagi boleh dibaca dan yang bukan resam uthmani hendaklah dilupuskan. Kaedah pelupusan Al Quran ialah dibakar di tempat yang dikawal dan ditanam ditempat yang dikawal. Kerja-kerja pelupusan hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Urusetia atau Majlis dan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri dan dilakukan dengan cara tersembunyi demi mengelakkan salah faham orang ramai.

Manakala, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-69 yang bersidang pada 13-16 Jun 2005 telah membincangkan Hukum Pelupusan Buku Teks Pendidikan Islam Secara Kitar Semula (Recycle). Muzakarah berpendapat bahawa Hukum Pelupusan Buku Teks Pendidikan Islam Secara Kitar Semula (Recycle) adalah harus dengan syarat-syarat berikut:

- i) Kerja-kerja pengkitaran semula buku-buku teks Pendidikan Islam seelok-eloknya dilakukan oleh syarikat-syarikat yang dimiliki oleh orang Islam.
- ii) Pekerja yang terlibat dalam proses pengkitaran semula hendaklah terdiri daripada orang Islam.
- iii) Kertas dan buku teks Pendidikan Islam yang dikitar semula hendaklah tidak digunakan untuk membuat bahan

- yang tidak sesuai seperti kertas tandas dan sebagainya.
- iv) Bahan-bahan kimia yang digunakan dalam proses pengkitaran semula hendaklah tidak mengandungi bahan najis.

**Kaedah Yang Dilaksanakan Di Malaysia**

Bagi memastikan kaedah pelupusan al-Quran dilaksanakan mengikut syara’, pihak Majlis Agama Islam negeri telah mengeluarkan garis panduan khusus kaedah-kaedah pelupusan al-Quran. Garis panduan tersebut adalah seperti berikut:-

- i) Bahan buangan atau lebihan yang mengandungi huruf atau ayat-ayat suci al-Quran hendaklah dilupuskan secara berasingan daripada bahan-bahan lain, serta dilarang menggunakan semula bagi apa-apa tujuan sekalipun.
- ii) Kaedah pelupusan sama ada secara pembakaran atau ditanam. Al-Quran yang rosak, koyak, yang tidak boleh dibaca dan yang bukan Rasm Uthmani hendaklah dilupuskan. Kaedah pelupusan adalah dibakar di tempat yang dikawal dan ditanam di tempat yang dikawal.
- iii) Cara pembakaran adalah seperti yang berikut:
- (a) Bahan yang mengandungi ayat-ayat al-Quran yang dibakar hendaklah menyeluruh tanpa tertinggal mana-mana bahagian yang tidak terbakar.
- (b) Bahan-bahan atau debu yang mengandungi ayat-ayat suci al-Quran yang telah dibakar hendaklah dipastikan dikumpul supaya tidak ditiup angin atau bersepah.
- (c) Bahan yang telah dibakar hendaklah ditanam pada tempat yang bersih atau dibuang ke dalam laut atau sungai yang mengalir airnya.
- (d) Kerja-kerja pembakaran hendaklah dikawal selia oleh pegawai Jabatan Agama Islam atau pihak yang mahu melupuskan bahan-bahan tersebut.

Selain daripada garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Negeri rujukan juga boleh dibuat kepada Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986 (Akta 326). Di mana Seksyen 11 memperuntukkan bahawa al-Quran atau bahan bacaan yang mengandungi ayat al-Quran yang tersalah cetak perlu dimusnahkan serta-merta dengan cara membakar di suatu tempat tertutup serta terkawal yang tidak dapat dimasuki oleh orang awam. Sesiapa yang tidak mematuhi peraturan ini boleh denda tidak lebih RM5000 atau tidak lebih setahun penjara atau kedua-duanya.

Bagi memastikan pelupusan al-Quran dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin pelbagai usaha telah dilakukan oleh Majlis Agama Islam Negeri secara berterusan. Antaranya ialah Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JaHEAT) melalui Bahagian Penyelidikan telah mengambil inisiatif untuk melupuskan sendiri lambakan al-Quran lama dan rosak [8], begitu juga Jabatan Hal Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (Jahaeik) telah melupuskan lebih 100 tan al-Quran di perairan Tok Bali, Pasir Puteh [9].

Selain Majlis Agama Islam Negeri, agensi kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan NGO turut sama menyumbang tenaga dalam usaha ini. Sebagai contohnya pusat pengajian tinggi, Universiti Teknologi Mara telah menyediakan perkhidmatan pelupusan al-Quran UiTM Shah Alam melalui penghantaran ke Masjid Al- Wathiqubillah Tuanku Mizan Zainal Abidin UiTM Shah Alam [10]. Seiring dengan perkembangan teknologi terkini kaedah pembakaran al-Quran juga telah di tambah baik dengan memperkenalkan penggunaan relau ataupun insinirator [11].

**Kaedah Kajian**

Soalan kaji selidik telah diedarkan kepada masyarakat Islam di Kelantan dan seramai 31 responden telah dipilih secara rawak untuk menjawab soalan kaji selidik tersebut. Soalan kajian dikategorikan kepada empat bahagian iaitu bahagian A berkenaan profail responden, bahagian B berkenaan kesedaran mengenai kaedah pelupusan al-Quran, bahagian C berkenaan pengetahuan menegenai kaedah pelupusan al-Quran mengikut syarak,bahagian D berkenaan amalan pelupusan al-Quran yang dipraktikkan dan bahagian E berkenaan sikap masyarakat terhadap isu pelupusan al-Quran.

**Dapatan Kajian dan Perbincangan**

Jadual 1 berikut melaporkan profil responden yang terlibat di dalam kajian ini. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada 31 sampel yang terlibat, didapati 9 orang (29 peratus) adalah lelaki dan selebihnya adalah perempuan (71 peratus). Mereka terdiri daripada kakitangan awam yang berkhidmat di negeri Kelantan dan daripada kesemua sampel berkenaan, 9 orang (29 peratus) adalah kakitangan sokongan, 12 orang (39 peratus) adalah kakitangan peringkat pentadbiran dan perkhidmatan, dan baki 10 orang (32 peratus) adalah pensyarah. Merujuk kepada makluman yang diterima, sampel-sampel terdiri daripada pelbagai peringkat umur, dan majoriti daripadanya berumur di antara 41 hingga 45 tahun iaitu 9 orang (29 peratus). Kebanyakan responden juga didapati telah berkhidmat dengan institusi berkenaan selama 6 hingga 10 tahun dan 11 hingga 15 tahun yang masing-masing berjumlah 10 orang (32 peratus). Dari aspek tahap pendidikan,

majoriti daripada mereka juga memiliki Sarjana iaitu seramai 12 orang (39 peratus), diikuti SPM seramai 8 orang (26 peratus), Diploma seramai 6 orang (19 peratus) dan baki 5 orang (16 peratus) adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda.

Responden juga mengaku memiliki al-Quran usang di dalam simpanan mereka iaitu seramai 17 orang (55 peratus) dan majoriti mereka sedar bahawa terdapat kaedah pelupusan al-Quran mengikut syarak. Mereka berpendapat bahawa pelupusan al-Quran usang adalah suatu tuntutan agama demi menjaga kesucian dan kemuliaan al-Quran itu sendiri. Namun tidak dinafikan juga, mereka menyatakan bahawa pelupusan al-Quran dengan kaedah syarak dapat menjaga alam sekitar dan menunjukkan rasa keprihatinan terhadap masyarakat terutama masyarakat Islam keseluruhannya. Umumnya, pengaruh dan peranan media massa dan teknologi pada hari ini juga turut membantu menyebar dan berkongsi ilmu mengenai kaedah pelupusan al-Quran mengikut syarak. Ini diakui sendiri oleh para responden di mana mereka menyatakan medium penyiaran seperti televisyen, radio, berita dan dokumentari, medium percetakan seperti suratkhabar, artikel, buku dan majalah dan media sosial seperti Internet dan blog memberikan banyak informasi berguna berkaitan perihal ini. Semua bahan seperti al-Quran, potongan huruf atau ayat al-Quran, terjemahan al-Quran, hiasan yang mengandungi ayat al-Quran dan buku, majalah serta artikel yang mengandungi petikan ayat al-Quran perlu dilupuskan mengikut kaedah yang telah ditetapkan oleh syarak.

Jadual 1: Profil Responden

| Item |                                      | Kekerapan                    | Peratusan% |
|------|--------------------------------------|------------------------------|------------|
| 1.   | Jantina                              |                              |            |
|      |                                      | Lelaki                       | 9          |
|      |                                      | Perempuan                    | 22         |
| 2.   | Pekerjaan                            |                              |            |
|      |                                      | Sokongan                     | 9          |
|      |                                      | Pentadbiran dan perkhidmatan | 12         |
|      |                                      | Pensyarah                    | 10         |
| 3.   | Umur                                 |                              |            |
|      |                                      | 26 – 30 tahun                | 4          |
|      |                                      | 31 – 35 tahun                | 8          |
|      |                                      | 36 – 40 tahun                | 7          |
|      |                                      | 41 – 45 tahun                | 9          |
|      |                                      | 51 dan ke atas               | 3          |
| 4.   | Tempoh perkhidmatan                  |                              |            |
|      |                                      | 1 – 5 tahun                  | 6          |
|      |                                      | 6 – 10 tahun                 | 10         |
|      |                                      | 11 – 15 tahun                | 10         |
|      |                                      | 16 – 20 tahun                | 2          |
|      |                                      | Lebih 20 tahun               | 3          |
| 5.   | Pendidikan                           |                              |            |
|      |                                      | SPM                          | 8          |
|      |                                      | Diploma                      | 6          |
|      |                                      | Ijazah                       | 5          |
|      |                                      | Sarjana                      | 12         |
| 6.   | Adakah anda memiliki Al-Quran usang? |                              |            |
|      |                                      | Ya                           | 17         |
|      |                                      | Tidak                        | 14         |

Kesedaran mengenai kaedah pelupusan al-Quran

Jadual 2 adalah hasil kajian yang menunjukkan masyarakat Islam mempunyai kesedaran cara pelupusan al-Quran dengan betul dan melupuskan al-quran dengan cara yang betul adalah salah satu tuntutan agama.

Jadual 2: Kesedaran mengenai kaedah pelupusan al\_Quran

|    |                                                                              |                            |        |
|----|------------------------------------------------------------------------------|----------------------------|--------|
| 7. | Adakah anda sedar bahawa terdapat kaedah pelupusan Al-Quran mengikut syarak? |                            |        |
|    |                                                                              | Ya                         | 26 org |
|    |                                                                              | Tidak                      | 5 org  |
| 8. | Apakah yang mendorong anda untuk melupuskan Al-Quran usang?                  |                            |        |
|    |                                                                              | Tuntutan agama             | 77%    |
|    |                                                                              | Menjaga alam sekitar       | 3%     |
|    |                                                                              | Prihatin kepada masyarakat | 3%     |
|    |                                                                              | Mematuhi perundangan       | 3%     |

Pengetahuan mengenai kaedah pelupusan al-Quran mengikut syarak

Jadual 3 adalah hasil bagaimana masyarakat Islam mendapat maklumat cara pelupusan al-Quran dengan betul. Lebih 50 peratus kaedah penyampaian maklumat yang berkesan melalui media tidak bercetak diikuti oleh media bercetak sebanyak 42 peratus. Ia merupakan cara hebahan yang sangat berkesan dalam mendidik masyarakat dalam pelupusan al-Quran. Selain itu, masyarakat juga perlu mengetahuai selain daripada naskah al-Quran, item-item lain seperti potongan huruf atau ayat al-Quran perlu juga dilupuskan mengikut syarak. Hasil kajian dalam Jadual 3 menunjukkan masyarakat Islam mengetahui selain naskah al-Quran, apa-apa yang berkaitan dengan al-Quran perlu dilupuskan dengan cara yang betul.

Jadual 3: Pengetahuan kaedah pelupusan

| Item                                                                           | Peratusan(%) |
|--------------------------------------------------------------------------------|--------------|
| <b>9: Bagaimana anda mengetahui kaedah pelupusan Al-Quran mengikut syarak?</b> |              |
| Pengalaman sendiri                                                             | 29           |
| Pengalaman orang lain                                                          | 32           |
| Perbincangan dengan rakan/jiran/keluarga                                       | 35           |
| Televisyen/radio/berita/dokumentari                                            | 52           |
| Suratkhabar/artikel/buku/majalah                                               | 42           |
| Internet/media sosial/blog                                                     | 32           |
| Pihak berkuasa/kerajaan                                                        | 23           |
| Pihak bukan kerajaan                                                           | 3            |
| Menghadiri kelas/latihan yang dianjurkan                                       | 3            |
| Kempen/taklimat/ceramah                                                        | 26           |
| <b>10: Adakah item-item berikut perlu dilupuskan mengikut kaedah syarak?</b>   |              |
| Al-Quran                                                                       | 97           |
| Potongan huruf atau ayat Al-Quran                                              | 81           |
| Terjemahan Al-Quran                                                            | 45           |
| Hiasan yang mengandungi ayat Al-Quran                                          | 65           |
| Buku/majalah/artikel yang mengandungi petikan ayat Al-Quran                    | 65           |

Amalan pelupusan al-Quran yang dipraktikkan

Jadual 4 menunjukkan amalan yang dipraktikkan dalam melupuskan al-Quran. Peratus yang tertinggi adalah sejumlah 68 peratus memilih untuk menghantar ke masjid yang berdekatan sebagai tempat pengumpulan untuk melupuskan al-Quran. Amalan masyarakat dengan cara membakar sendiri al-Quran tersebut dan abunya dihanyutkan di sungai atau laut juga mempunyai peratusan yang tinggi.

Jadual 4: Amalan pelupusan al-Quran yang dipraktikkan

| Item                                                                  | Peratusan (%) |
|-----------------------------------------------------------------------|---------------|
| <b>17: Bagaimana anda menguruskan/melupuskan Al-Quran yang usang?</b> |               |
| Hantar kepada Majlis Agama Negeri                                     | 32            |
| Hantar ke masjid berdekatan untuk dikumpulkan                         | 68            |
| Bakar dan tanam abunya di kawasan terkawal                            | 39            |
| Bakar dan abunya dihanyutkan ke sungai/laut                           | 58            |
| Bakar sahaja                                                          | 13            |
| Tidak berbuat apa-apa                                                 | 3             |

Jadual 5 menunjukkan hasil kajian daripada 3 perspektif secara keseluruhan terhadap pengetahuan masyarakat Islam dalam masalah pelupusan al-Quran, amalan yang dilakukan oleh masyarakat untuk melupuskan al-Quran dan sikap masyarakat dalam melupuskan al-Quran. Hasil kajian menunjukkan secara purata masyarakat mempunyai pengetahuan adalah 2.97. Purata untuk amalan adalah 2.51 dan untuk sikap masyarakat isu pelupusan al-Quran adalah 3.05.

Jadual 5: Pengetahuan, amalan dan sikap

|                    | N  | Minimum | Maksimum | Purata |
|--------------------|----|---------|----------|--------|
| Pengetahuan        | 31 | 2.17    | 3.83     | 2.9785 |
| Amalan             | 31 | 1.00    | 4.00     | 2.5108 |
| sikap              | 31 | 2.42    | 4.00     | 3.0591 |
| Valid N (listwise) | 31 |         |          |        |

Dapatan kajian menunjukkan masyarakat Islam mengetahui bahawa al-Quran perlu dilupuskan dengan kaedah yang betul tetapi tidak mengamalkan pengetahuan yang mereka ada. Justeru itu, pendidikan dan penyebaran maklumat secara berterusan diperlukan bagi meningkatkan lagi kesedaran masyarakat terhadap cara pelupusan al-Quran. Maklumat tersebut boleh disampaikan melalui media massa sama ada bercetak atau tidak bercetak.

Bagi menangani isu masyarakat Islam yang kebanyakannya menghantar al-Quran yang rosak ke tempat pelupusan sampah dan pusat kitar semula [2], initiesif yang boleh diambil adalah menjadikan masjid sebagai tempat pengumpulan al-Quran. Pihak masjid akan menyerahkan hasil kumpulan al-Quran tersebut kepada jabatan agama Islam Negeri untuk dilupuskan. Ini bertepatan dengan hasil kajian berkenaan amalan yang dipraktikkan oleh masyarakat Islam kebanyakannya memilih untuk menghantar ke masjid berdekatan sebagai tempat pengumpulan untuk melupuskan al-Quran. (Rujuk Jadual 4)

Rujukan

[1] Menjaga Kemuliaan dan Kesucian Al-Quran, Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sabah (2012)

[2] Muhayudin Salleh. (2014, Mac 20). Al-Quran Ditemui di Tempat Pembuangan Sampah Haram. Retrieved Januari, 24 2018 from Sinar Harian: <http://www.sinarharian.com.my/mobile/semasa/al-quran-ditemui-di-tempat-pembuangan-sampah-haram-1.261989>

[3] Norizuan Shamsuddin. (2016, Nov 6). Pelupusan Ayat Al-Quran perlu ikut prosedur. Dimuat turun daripada Harian Metro: <https://www.hmetro.com.my/node/179614>

[4] Irwan Mohd Subri, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, ,Walid Mohd Said, Nisar, Mohammad Ahmad, Amir Shahrudin, Mohd Aizuddin Abdul Aziz, Mohd Azhar Ibrahim Residi, Mohd Nur Adzam Rasd9, Syadiyah

Abdul Shukor & Bilal Jailani (2016) Isu-Isu Fiqh Di Pusat Pemindahan Mangsa Banjir: Kajian Perintis Di Daerah Temerloh, Pahang, Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa, Vol. 8 2016 eissn:0127- 8886

[5] Rozita Ibrahim (2002) Literasi AlamSekitar Menurut Paradigma Agama, Jurnal Pengajian Umum Bil. 3. [http://www.ukm.my/jmalim/images/vol\\_03\\_2002/rozita\\_2002\\_literasi.pdf](http://www.ukm.my/jmalim/images/vol_03_2002/rozita_2002_literasi.pdf)

[6] Garisan Panduan Pembuatan, Pengendalian, Penjualan Dan Pelupusan Ayat Suci Al-Quran, JAKIM, Bilangan 2 tahun 2015

[7] Irsyad Al-Fatwa Ke-17: Kaedah Pelupusan Al-Quran Yang Rosak Akibat Banjir <https://fitrahlami.wordpress.com/2017/11/09/irsyad-al-fatwa-ke-17-kaedah-pelupusan-al-quran-yang-rosak-akibat-banjir/>

[8] Peningkatan Lambakan Al-Quran Lama Dan Rosak (2013) [http://habinovasi.mampu.gov.my/laporan\\_inovasi/941-pembakaran-al-quran-relau.pdf](http://habinovasi.mampu.gov.my/laporan_inovasi/941-pembakaran-al-quran-relau.pdf)

[9] Habsah Ismail. (2017, Ogos 17). Jahaeik lupus al-Quran di perairan Tok Bali. Dimuat turun daripada Sinar Harian: <http://www.sinarharian.com.my/edisi/kelantan/jahaeik-lupus-al-quran-di-perairan-tok-bali-1.715044>.

[10] Program Lupus Ayat Suci Al-Quran (2018). <https://acis.uitm.edu.my/v1/index.php/home/latest-info/161-program-lupus-ayat-suci-al-quran>

[11] Balqis Jazimah Zahari. (2017, Dis 19). Teknologi Baru Lupus Al-Quran (2017). Dimuat tutun daripada Harian Metro: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2017/12/295085/teknologi-baru-lupus-al-quran>